



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP
BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

MSWG akan menganjurkan webinar bertajuk “Cyber Security: What's Directors Need to Know” pada jam 09.30 pagi pada hari Rabu, 8 Jun 2022. Sila layari <https://bit.ly/3Lxx4Kk> untuk pendaftaran dan maklumat lanjut.

03.06.2022

❖ Tindakan saman hanya diumumkan selepas 11 hari ~ apakah alasannya?

Pakar kompaun getah teknikal GIB Holdings Berhad (dahulunya Goodway Integrated Industries Berhad) perlu menjelaskan kepada pemegang saham minoritinya tentang sebab syarikat itu mengambil masa “11 HARI” untuk mendedahkan kepada umum bahawa mereka menerima saman pemula (*originating summons*, OS) daripada bekas pengarah eksekutifnya iaitu Wong Weng Yew.

Wong yang juga pemegang saham GIB dengan kepentingan 6% telah memfailkan saman pemulanya di Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 19 Mei melalui peguam caranya, Tetuan Chong + Kheng Hoe. GIB hanya memaklumkan saman undang-undang itu melalui pemfailan kepada Bursa Malaysia pada 30 Mei di bawah subjek “Litigasi Material”.

Tidak dinafikan, kelewatan mendedahkan saman undang-undang yang difailkan oleh Wong (yang secara kebetulan telah ditamatkan perkhidmatannya pada hari yang sama) melanggar prinsip teras tadbir urus korporat dan keperluan kepada maklumat yang tepat pada masanya bagi membolehkan pemegang saham minoriti membuat keputusan pelaburan yang bermaklumat.

Jika mengikut amalan biasa, GIB perlu segera membuat pengumuman Bursa Malaysia yang menyatakan suatu tindakan undang-undang telah dimulakan terhadap syarikat itu atau sekurang-kurangnya pada hari berikutnya jika saman pemula diterima selepas waktu pejabat.

Di samping itu, perkara ini membawa kepada persoalan sama ada GIB telah melanggar Kehendak-kehendak Penyenaaraan Pasaran Utama (*Main Market Listing Requirements*, MMLR) yang memerlukan penerbit tersenarai membuat penzahiran umum dengan kadar segera tentang apa-apa maklumat penting termasuk “permulaan atau penglibatan dalam litigasi dan apa-apa pembangunan material yang timbul daripada litigasi itu” (Perenggan 9.04(f) MMLR).

Mengimbas kembali, Wong yang digantung tugas atas alasan salah laku seperti pertuduhan yang dibuat terhadap beliau dalam surat tunjuk sebab bertarikh 28 Mac

tahun ini, telah ditamatkan perkhidmatannya selepas juruaudit bebas luar syarikat itu mendakwa telah mendapat asas yang mencukupi untuk mensabitkan Wong sebagai bertanggungjawab ke atas salah laku.

Walau bagaimanapun, beliau kemudiannya dilantik semula sebagai pengarah bukan eksekutif bukan bebas GIBB pada 27 Mei selepas penamatan perkhidmatannya.

Menurut Laporan Tahunan GIBB 2020, Wong yang merupakan akauntan bertauliah, telah dilantik sebagai pengarah eksekutif GIBB pada 23 Februari 2021. Beliau ditugaskan untuk mengurus operasi kewangan dan perakaunan kumpulan.

Sebelum menyertai GIBB, Wong telah berkhidmat dengan PricewaterhouseCoopers LLP di Singapura yang mana beliau mengurus dan memberikan khidmat nasihat untuk proses perniagaan, pengauditan IT dan semakan keselamatan. Secara keseluruhan, beliau mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dalam bidang audit dan perundingan perniagaan.

Sebelum ini, Wong pada 25 April telah membuat laporan polis berkenaan perbalahan yang melibatkan GIBB. Beliau mendakwa masih belum menerima maklumat terkini mengenai perkara tersebut daripada jawatankuasa penyiasat yang ditubuhkan GIBB. Tambahan pula, beliau menyuarakan kebimbangannya terhadap kelemahan tadbir urus kerana ahli jawatankuasa penyiasat adalah ahli keluarga pengerusi eksekutif GIBB, Tai Boon Wee.

Apakah yang terkandung dalam saman pemula?

Secara ringkas, saman pemula ini menamakan syarikat sebagai defendan, serta pengerusi eksekutifnya Tai Boon Wee, pengarah eksekutif/ silih ganti Tai Qiyao (yang tidak lagi menjadi pengarah silih ganti kepada Tai Boon Wee berkuat kuasa 1 Jun), pengarah eksekutif Tai Qisheng dan pengarah bukan eksekutif bukan bebas Puan Wong Ping Kiong.

Menurut pemfailan GIBB kepada Bursa Malaysia bertarikh 30 Mei, perkara berikut telah diminta daripada pengarah yang dinamakan sebagai defendan dalam saman pemula Wong:

- Pengisytiharan pelanggaran Kehendak-kehendak Penyenaaraan Pasaran Utama (*Main Market Listing Requirements*, MMLR)
- Indemniti terhadap plaintif (Wong) ke atas mana-mana dan/atau liabiliti, kos dan ganti rugi yang timbul daripada pelanggaran MMLR
- Injunksi sebagai pengarah dan/atau pegawai GIBB dan anak-anak syarikatnya untuk tempoh lima tahun
- Sekatan daripada mengurus GIBB dan anak-anak syarikatnya untuk tempoh lima tahun
- Sekatan daripada membeli saham GIBB untuk tempoh lima tahun
- Sekatan daripada mengundi atau mana-mana hak lain berhubung dengan saham GIBB
- Sekatan ke atas pengumpulan dan penerbitan saham GIBB baharu melalui pelaksanaan penempatan persendirian

Saman pemula itu meminta perkara berikut daripada GIBB dan pengarah yang dinamakan sebagai defendan:

- Apa-apa pelepasan lain di bawah Seksyen 360 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
- Ganti rugi am yang akan ditentukan oleh mahkamah
- Ganti rugi teladan
- Ganti rugi teruk
- Pengisytiharan bahawa penggantungan plaintif (Wong) sebagai pengarah eksekutif dianggap batal dan tidak sah
- Sekatan daripada mengenakan pembatasan ke atas plaintif (Wong) terhadap akses kepada maklumat, dokumen, rekod dan premis GIBB
- Apa-apa keputusan lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah di bawah Seksyen 346(2) Akta Syarikat 2016
- Kos permohonan dan kos lain
- Faedah
- Apa-apa relif lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah

Walaupun pengumuman mengenai saman pemula tidak menzahirkan butiran terperinci kepada umum, laporan berita oleh media dalam talian, Focus Malaysia pada 27 Mei mungkin membantu menjelaskan peristiwa di sebalik kisah dalam dunia korporat ini.

Dilaporkan bahawa Wong dalam saman pemulanya mempertikaikan alasan yang diberikan oleh GIBB untuk menukar tarikh akhir tahun kewangannya kepada 30 Jun 2022 daripada 31 Disember 2021 (yang diumumkan pada 27 April 2022).

GIBB mendakwa, perubahan tahun kewangan itu sepatutnya memudahkan siasatan terhadap pihak pengurusan, pengendalian perniagaan sarung tangan serta akaun syarikat dan anak syarikatnya (yang dikaitkan dengan penggantungan dan akhirnya penamatan perkhidmatan Wong).

Mendakwa alasan ini sebagai palsu, Wong mendakwa juruaudit GIBB iaitu Grant Thornton Malaysia PLT sebenarnya telah mengeluarkan pendapat penafian dalam draf akaun beraudit syarikat itu yang menyatakan bahawa ia tidak dapat memperoleh bukti audit yang mencukupi untuk menyediakan asas kepada pendapat audit terhadap penyata kewangan ini.

Berdasarkan tahun kewangan sebelumnya iaitu 31 Disember 2021, GIBB perlu memfailkan Laporan Tahunan 2021 dan penyata kewangannya yang telah diaudit pada atau sebelum 30 April 2022.

Jika penyataan penafian oleh pihak juruaudit ini didedahkan kepada umum, GIBB akan mencetuskan situasi Nota Amalan 17 (PN17).

Bagaimanapun, dengan perubahan kepada akhir tahun kewangannya dari 31 Disember 2021 kepada 30 Jun 2022, GIBB hanya perlu mengumumkan penyata kewangan beraudit pada atau sebelum 31 Oktober 2022.

Melihat dari segenap sudut, nampaknya keributan dalam GIBB masih belum berakhir.

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 6 hingga 10 Jun 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
07.06.22 (Selasa) 11.00 pagi	GDEX Berhad (AGM)	<p>GDEX merekodkan pendapatan berjumlah RM636.9 juta untuk tempoh kewangan 18 bulan berakhir 31 Disember 2021. Bagi tahun kewangan 12 bulan berakhir 30 Jun 2020, syarikat mencatatkan pendapatan berjumlah RM364.0 juta.</p> <p>Keuntungan sebelum cukai GDEX berjumlah RM58.2 juta untuk tempoh kewangan berakhir 2021, manakala keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (<i>profit after tax and minority interest, PATMI</i>) berjumlah RM41.5 juta pada tempoh kewangan yang sama. Ini berikutan peningkatan kecekapan operasi serta sumbangan pendapatan yang lebih tinggi daripada syarikat penerima pelaburan Kumpulan di Indonesia dan Vietnam.</p>
08.06.22 (Rabu) 11.00 pagi	MSM Malaysia Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan MSM bagi tahun kewangan 2021 melonjak 3.4% kepada RM2.26 bilion berikutan peningkatan harga jualan dalam semua segmen pelanggan. Pada masa yang sama, MSM mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM125.3 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan daripada pelupusan anak syarikat.</p> <p>Syarikat menjangkakan 2022 bakal menjadi tahun yang mencabar dan kekal optimistik. Namun, syarikat mengambil langkah berjaga-jaga terhadap pelan pemulihannya di tengah-tengah kenaikan harga gula mentah, kos pengangkutan dan gas asli serta Ringgit yang lemah.</p>

08.06.22 (Rabu) 10.30 pagi	Paramount Corporation Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Paramount meningkat kepada RM681.4 juta pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM593.6 juta), manakala keuntungan sebelum cukainya meningkat 37% kepada RM70.3 juta (tahun kewangan 2020: RM51.5 juta).</p> <p>Sementara itu, keuntungan bersihnya meningkat 36% kepada RM42.7 juta berbanding RM31.3 juta yang dicapai pada tahun kewangan 2020, selepas ditolak sumbangan daripada operasi yang dihentikan.</p>
08.06.22 (Rabu) 11.00 pagi	Greenyield Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat 36.11% tahun ke tahun kepada RM45.38 juta berbanding RM33.34 juta pada tahun kewangan 2020. Keuntungan sebelum cukai Kumpulan juga lebih tinggi pada RM7.50 juta (tahun kewangan berakhir 2020: RM6.89 juta), terutamanya disebabkan oleh jualan yang kukuh daripada segmen operasi barangan isi rumah dan input perladangan. Kumpulan terus mencari peluang pertumbuhan sambil mengurus kos bagi memastikan perniagaan tetap berdaya maju.</p>
09.06.22 (Khamis) 10.00 pagi	Malaysia Building Society Berhad (AGM)	<p>Suku tahun pertama tahun kewangan 2022 menyaksikan kualiti aset MBSB bertambah teruk dengan nisbah pinjaman terjejas kasar meningkat kepada 5.89% berbanding 4.6% pada suku tahun keempat tahun kewangan 2021.</p> <p>Sementara itu, pertumbuhan pembiayaannya yang mendatar iaitu 1.3% pada tahun kewangan 2021 mencetuskan kebimbangan kerana jumlah pertumbuhan pinjaman industri adalah pada 4.5% pada tahun tersebut.</p>
09.06.22 (Khamis) 10.00 pagi	Inix Technologies Holdings Berhad (EGM)	<p>Mesyuarat agung luar biasa (EGM) ini berhasrat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi beberapa resolusi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cadangan penyelesaian hutang sehingga RM8.16 juta melalui terbitan saham INIX baharu - Cadangan penempatan persendirian 30%

		<ul style="list-style-type: none"> - Cadangan terbitan hak - Cadangan pengurangan modal saham sebanyak RM40 juta - Cadangan Skim Opsyen Saham Pekerja (<i>Employee Share Option Scheme, ESOS</i>) dan penerbitan opsyen saham kepada pengarah termasuk pengarah bukan eksekutif bebas (<i>independent non-executive directors, INED</i>) - Cadangan pertukaran nama syarikat <p>Selaras dengan tadbir urus korporat yang baik, MSWG tidak menggalakkan amalan menawarkan opsyen kepada INED kerana mereka tidak memainkan peranan eksekutif dalam Syarikat, malah bertanggungjawab memantau peruntukan opsyen kepada pekerja dan pengarah eksekutif.</p>
10.06.22 (Jumaat) 10.00 pagi	Supercomnet Technologies Berhad (AGM)	<p>Perniagaan Syarikat berjaya bertahan walaupun dalam musim pandemik COVID-19 kerana permintaan untuk alat perubatan tetap memberangsangkan. Beberapa produk syarikat seperti bronkoskop menyaksikan lonjakan permintaan sewaktu pandemik kerana ia digunakan untuk mengesan jangkitan paru-paru dalam kalangan pesakit Covid.</p> <p>Ketika pandemik beralih kepada fasa endemik, syarikat mungkin mempertimbangkan untuk memperkenalkan lebih banyak produk baharu kerana permintaan yang tinggi terhadap produk perubatan sewaktu pandemik mungkin beransur perlahan.</p>
10.06.22 (Jumaat) 11.00 pagi	SLP Resources Berhad (AGM)	<p>Secara keseluruhan, SLP mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dengan peningkatan 15% dan 7.63% dalam pendapatan dan keuntungan bersih, iaitu kepada RM168.95 juta dan RM17.73 juta masing-masing pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Walaupun jualan lebih tinggi, margin keuntungan adalah lebih rendah iaitu sebanyak 10.5% (tahun</p>

		keuangan 2020: 11.2%) disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan pentadbiran, penjualan dan pemasaran.
10.06.22 (Jumaat) 10.00 pagi	Frontken Corporation Berhad (AGM)	Frontken memecahkan rekod sekali lagi pada tahun ini dengan pendapatan berjumlah RM450.2 juta, mewakili pertumbuhan dua digit sebanyak 22.2% berbanding tempoh yang sama sebelum ini. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan sumbangan daripada semua anak syarikat, hasil daripada permintaan pasaran yang kukuh daripada industri semikonduktor serta minyak dan gas.
10.06.22 (Jumaat) 11.30 pagi	Frontken Corporation Berhad (EGM)	Frontken berhasrat mendapatkan persetujuan daripada pemegang sahamnya untuk mewujudkan pelan geran saham sehingga 5% daripada jumlah bilangan saham terbitannya untuk tempoh lima tahun bagi pekerja Frontken dan anak syarikatnya yang layak. Pada masa yang sama, Frontken juga mencadangkan untuk memperuntukkan saham di bawah skim geran saham kepada Ng Wai Pin, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutifnya dan Dr Tay Kiang Meng, pengarah eksekutif dan ketua saintisnya.

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
GDEX Berhad (AGM)	<p>1. Kumpulan melaporkan kerugian suku tahunan pertama dalam suku tahun pertama bagi tahun kewangan 2022. Ia disebabkan operasi di Malaysia yang diakibatkan oleh persaingan yang sengit dan banyak peserta baharu memasuki pasaran.</p> <p>a) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah membekukan semua lesen perkhidmatan kurier baharu selama dua tahun, berkuat kuasa untuk tempoh 14 September 2020 hingga 15 September 2022. Mengapakah terdapat lebih ramai peserta pasaran baharu dalam tempoh ini?</p> <p>b) Adakah Lembaga Pengarah menjangkakan dua lagi pasaran utama iaitu Vietnam dan Indonesia akan mengalami peningkatan persaingan seperti yang dialami dalam pasaran Malaysia? Sila berikan penjelasan kepada jawapan anda.</p>

	<p>2. Sila jelaskan tentang landskap persaingan, anggaran bahagian pasaran dan potensi pertumbuhan GDEX dalam pasaran utama, iaitu Malaysia, Vietnam dan Indonesia.</p>
<p>MSM Malaysia Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>1. Inventori yang diturunkan nilai dan dilupuskan pada tahun kewangan 2021 masing-masing berjumlah RM13.4 juta dan RM6.1 juta. Penurunan nilai dan pelupusan bagi tahun kewangan 2020 adalah lebih rendah, masing-masing berjumlah RM0.65 juta dan RM1.4 juta (Halaman 282, Laporan Tahunan Bersepadu 2021).</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam penurunan nilai dan pelupusan inventori?</p> <p>b) Berapakah anggaran jumlah yang boleh diselamatkan daripada inventori yang diturunkan nilai? Adakah terdapat keperluan untuk menyemak semula dasar pengurusan inventori syarikat?</p> <p>2. Profil pengusiaan bagi penghutang dagangan Kumpulan menunjukkan semua kategori penghutang dagangan yang telah lampau tempoh tetapi tidak terjejas. Kategori lebih dari 90 hari lampau tempoh tetapi tidak terjejas secara individu melonjak kepada RM45.2 juta pada tahun kewangan 2021 yang merangkumi 17% daripada jumlah penghutang dagangan pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM12.5 juta (merangkumi 5.5% daripada jumlah penghutang dagangan pada tahun kewangan 2020) (Nota 23, muka surat 345 Laporan Tahunan Bersepadu 2021).</p> <p>a) Berapakah jumlah daripada penghutang dagangan (RM45.2 juta) yang berjaya dikutip sehingga kini? Apakah usaha pihak pengurusan untuk mengutip penghutang dagangan yang sudah lama tertunggak?</p> <p>b) Pelanggan daripada segmen perniagaan manakah yang mempunyai penghutang dagangan yang lama tertunggak – segmen borong, industri atau eksport? Sila kemukakan profil penghutang dengan baki penghutang dagangan yang lama tertunggak termasuk butiran seperti negara asal, jumlah yang perlu dibayar, tempoh tertunggak dsb.</p> <p>c) Apakah kemungkinan syarikat membuat peruntukan untuk penghutang dagangan yang tertunggak lama ini?</p>
<p>Paramount Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Inventori hartanah siap Kumpulan menyusut daripada RM115.4 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM71.9 juta pada tahun kewangan 2021, dengan pengurangan 37.7% atau sebanyak RM43.5 juta. (Halaman 136, Laporan Tahunan)</p>

	<p>Prestasi ini wajar dipuji kerana banyak pemaju hartanah mempunyai inventori hartanah siap yang tinggi yang sukar dijual.</p> <p>Inventori hartanah siap Kumpulan yang masih belum terjual berjumlah RM72 juta, yang mana 96% terdiri daripada unit komersial (RM69 juta) dan selebihnya unit kediaman. (Halaman 28, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Sila berikan lokasi dan nilai hartanah siap yang belum terjual untuk unit komersial dan unit kediaman pada tahun kewangan 2021.</p> <p>b) Apakah profil pengusiaan untuk hartanah siap yang belum terjual bagi unit komersial dan unit kediaman mengikut nombor unit dan nilai di bawah julat usia 'kurang dari setahun', '1 hingga 2 tahun' dan 'lebih 2 tahun'?</p> <p>c) Berapakah bilangan dan nilai hartanah kediaman dan hartanah komersial yang belum dijual sejak tahun kewangan 2021?</p>
Greenyield Berhad (AGM)	<p>Kos jualan Kumpulan meningkat kepada RM29.4 juta berbanding RM22.9 juta pada tahun kewangan 2020. (Halaman 47, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Sejauh manakah peningkatan kos jualan pada tahun kewangan 2021 adalah disebabkan oleh kenaikan harga bahan mentah?</p> <p>b) Mengikut jangkaan Kumpulan, sejauh manakah kenaikan harga bahan mentah memberi kesan terhadap margin keuntungan produknya? Dapatkah Kumpulan menyalurkan kenaikan kos kepada pelanggannya?</p>
Malaysia Building Society Berhad (AGM)	<p>1. Pembiayaan kasar MBSB mencatatkan pertumbuhan mendatar pada tahun kewangan 2021 iaitu sebanyak 1.3% berbanding pertumbuhan jumlah pinjaman industri sebanyak 4.5% pada tahun tersebut.</p> <p>Selain itu, prestasi MBSB yang rendah tidak setanding kebanyakan rakan perbankan lain yang mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dalam pembiayaan dan pinjaman selepas pemulihan aktiviti ekonomi, tanpa mengambil kira kesan daripada pemetongan kadar dasar semalaman (<i>overnight policy rate, OPR</i>) pada tahun 2020.</p> <p>Apakah punca sebenar pertumbuhan pembiayaan MBSB yang mendatar? Bagaimanakah MBSB memperbaiki kelemahan ini supaya pertumbuhan pembiayaan dapat setanding dengan rakan perbankan lain pada tahun kewangan 2022?</p>

	<p>2. Melihat dari sudut kualiti aset, nisbah pinjaman terjejas kasar (<i>gross impaired loan</i>, GIL) MBSB melonjak kepada 5.89% pada suku tahun pertama tahun kewangan 2022 berbanding 4.6% pada suku tahun keempat tahun kewangan 2021.</p> <p>Pada masa yang sama, bank-bank lain mencatatkan nisbah GIL yang lebih rendah atau sederhana dalam perbandingan suku tahun yang sama (suku tahun pertama tahun kewangan 2022 berbanding suku tahun keempat tahun kewangan 2021).</p> <p>Apakah punca kemerosotan kualiti aset MBSB? Adakah MBSB menyediakan peruntukan yang mencukupi sebelum ini berdasarkan pembolehubah makroekonomi dan tindakan pengurusan?</p>
<p>Supercomnet Technologies Berhad (AGM)</p>	<p>Syarikat merekodkan prestasi yang kukuh bagi tahun kewangan berakhir 2021 yang mana terdapat peningkatan dalam keuntungan bagi ketiga-tiga segmen perniagaan syarikat iaitu perubatan, automotif dan industri. Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompoun bagi pendapatan syarikat adalah sebanyak 42.9% sejak 2017. (Halaman 23, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Syarikat melaksanakan mekanisma pelepasan kos (<i>cost pass-through</i>) sebagai penebat untuk menampung kenaikan kos pengangkutan bahan mentah pada tahun kewangan berakhir 2021. (Mekanisma pelepasan kos berlaku apabila sesuatu perniagaan mengubah harga produk atau perkhidmatan yang dibekalkannya berikutan perubahan dalam kos yang ditanggung untuk menghasilkannya.)</p> <p>Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk mengurangkan kemungkinan pelanggan beralih kepada pesaing, memandangkan Syarikat mungkin tidak dapat melaksanakan pelepasan kos untuk jangka masa yang panjang kerana pelanggan akan mencari alternatif yang lebih murah?</p>
<p>Frontken Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Perbelanjaan modal Kumpulan untuk pembelian hartanah, loji dan peralatan berjumlah RM82.8 juta, yang kesemuanya dibiayai secara dalaman (Halaman 8, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Perbelanjaan modal bagi tahun kewangan 2021 meningkat lebih 10 kali ganda kepada RM82.8 juta daripada RM7.9 juta pada tahun kewangan 2020. Berapakah daripada jumlah perbelanjaan modal ini digunakan untuk pertumbuhan syarikat dan berapa pula untuk penyelenggaraan?</p> <p>b) Berapakah bajet untuk perbelanjaan modal bagi tahun kewangan 2022?</p>
<p>SLP Resources Berhad (AGM)</p>	<p>SLP mencatatkan jumlah jualan yang lebih tinggi daripada perdagangan produk polimer pada tahun kewangan 2021,</p>

	<p>dengan lonjakan kira-kira 50% kepada RM58.29 juta daripada RM39.01 juta pada tahun sebelumnya (Halaman 94, Nota 16.1 – Pengagregatan pendapatan, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Pada masa yang sama, jualan SLP ke pasaran domestik melonjak 24% kepada RM97.07 juta (tahun kewangan 2020: RM78.31 juta).</p> <p>a) Mengapakah produk polimer SLP laku keras dalam pasaran domestik? Adakah jualan produk polimer yang tinggi ini mampu dikekalkan pada tahun-tahun akan datang?</p> <p>b) Sebaliknya, jualan daripada pembuatan dan jualan pembungkusan plastik dan produk berkaitannya hanya mencatatkan peningkatan yang kecil iaitu 2.47%, meningkat kepada RM110.65 juta berbanding RM107.98 juta pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Adakah pihak pengurusan mengharapkan jualan yang lebih baik daripada segmen ini pada tahun kewangan 2022? Jika ya, apakah faktor yang mendorong syarikat untuk menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi? (misalnya, pertumbuhan volum, menaikkan harga jualan)</p> <p>c) SLP merekodkan aktiviti pengeluaran dan volum jualan yang rendah pada tahun kewangan 2021 (Halaman 35, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Berapakah jumlah kapasiti dan kadar penggunaan loji SLP pada tahun kewangan 2021?</p> <p>Apakah perubahan volum jualan tahun ke tahun pada tahun kewangan 2021?</p>
--	--

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.